



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ISTIQAMAH KUNCI KEJAYAAN

Tarikh Dibaca :

**5 SYAWAL 1443H/
6 MEI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**ISTIQAMAH KUNCI KEJAYAAN****5 SYAWAL 1443H / 6 MEI 2022**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ﴾

﴿إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوا رَبِّنَا اللَّهَ ثُمَّ أَسْتَقْنَمُوا تَنَزَّلَ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا تَخَافُوا وَلَا

تَحْرِزُوهُ وَابْشِرُوهُ بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبد الله ورسوله. اللهم صلّ وسلّم على نبينا محمد وعلى آله وصحبه ومن دعا بدعوتهم إلى يوم الدين. أما بعد، فيا عباد الله، اتقوا الله، أوصيكم ونفسي بتقوى الله وطاعته لعلكم تفلحون.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam usaha mencari kehidupan yang diberkati dan direhái oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Istiqamah Kunci Kejayaan**”.

Sebelum itu, saya ingin mengajak seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid dan memelihara hubungan persaudaraan lebih-lebih lagi dalam suasana kita masih lagi menyambut hari raya ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ramadan yang berlalu telah meninggalkan pelbagai kesan buat diri kita agar terus membentuk jiwa dengan tuaian takwa. Syawal pula diraikan penuh kesyukuran menurut

tatacara yang dibimbing dalam Islam. Sesungguhnya antara nikmat terbesar yang dikurniakan kepada kita ialah dengan berpeluang melalui Ramadan sebulan penuh dan melaksanakan ibadah. Nikmat ini haruslah disyukuri dengan erti kata sebenarnya iaitu tetap beristiqamah (konsisten) dalam menunaikan ibadah, melaksanakan ketaatan dan menjauhi segala tegahan-Nya. Hasil tarbiyah dalam Bulan Ramadan sepatutnya menjadi pembimbing dalam mengharungi 11 bulan yang mendatang. Konsistensi menjaga diri dari melakukan dosa besar merupakan syarat kepada dihapuskan dosa sebagaimana disebut oleh Rasulullah SAW:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ

الْكَبَّارُ

Maksudnya: “Solat lima waktu, Jumaat sehingga ke Jumaat, Ramadan sehingga ke Ramadan adalah penghapus dosa antara keduanya selagimana seseorang itu menjauhi dosa-dosa besar”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Syukur kepada Allah SWT kerana kita telah meraikan hari kemenangan bagi seluruh umat Islam dengan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Mungkin ada dalam kalangan kita sudah mula melaksanakan puasa sunat enam hari dalam Bulan Syawal yang mana dijanjikan ganjaran berpuasa enam hari di Bulan Syawal ini bersamaan dengan puasa setahun.

Segala amalan baik sepanjang Ramadan menuntut istiqamah dalam pelaksanaannya. Ayuh kita tanamkan azam untuk meneruskan segala amalan hasil didikan Ramadan secara konsisten sepanjang tahun. Inilah kepentingan istiqamah sebagaimana hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berbunyi:

عَنْ سُفِيَّانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ التَّقِيِّ، قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي الإِسْلَامِ قَوْلًا لَا
أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ. قَالَ: "قُلْ أَمْنَتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمْ"

Maksudnya: Daripada Sufyan bin Abdullah RA berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah! Tolong ajarkan sesuatu kepada aku yang paling penting dalam

Islam dan aku tidak akan bertanya lagi kepada sesiapa pun. Nabi SAW berkata: "Katakanlah aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamah".

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Hari raya sinonim dengan amalan berziarah dan saling berkunjung antara satu sama lain. Sesungguhnya amalan berziarah merupakan salah satu daripada sunnah Nabi SAW dan ia merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Sudah pasti amalan ziarah itu mempunyai hikmah yang besar, iaitu untuk mengeratkan silaturrahim, memperkuuh ikatan atau hubungan persaudaraan, mendekatkan yang jauh, mengubat kerinduan, saling bermaafan dalam pertemuan dan pelbagai rahsia yang tersembunyi di sebalik amalan berziarah ini. Inilah sebahagian daripada keindahan Islam dan begitu besarnya hikmah amalan berziarah dan saling bermaafan.

Namun begitu, saya ingin mengingatkan agar kita sentiasa mematuhi ketetapan dan adab-adab Islam dalam amalan ziarah. Antaranya dengan menjaga batasan perhubungan dan pergaulan, memelihara aurat, mengelakkan hiburan yang tidak menepati syarak dan menghindari pembaziran. Janganlah niat ziarah dan menghubungkan silaturahim yang murni itu dicemari dengan perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan dosa pada diri kita. Jagalah adab sama ada sebagai tetamu mahupun sebagai tuan rumah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam hadir kepada manusia atas tujuan untuk kita saling menghormati dan tidak melakukan penindasan terhadap manusia lain tanpa mengira agama atau bangsa. Islam telah mengubah lanskap perhambaan dan membolehkan semua insan menikmati hak masing-masing. Kerja paksa merupakan salah satu bentuk elemen perhambaan moden yang berlaku pada hari ini. Pekerja, sama ada warga tempatan ataupun warga asing sering ditindas dan dinafikan hak mereka sebagai seorang manusia. Termasuk dalam kerja paksa iaitu bayaran upah yang tidak setimpal, penahanan gaji, layanan buruk, penderaan, kecederaan hingga membawa maut. Kesalahan-kesalahan ini adalah bertentangan dengan Maqasid Syariah dan boleh didakwa di bawah Akta Pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM 2007). Sehubungan itu, selaras dengan Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei tahun ini, seluruh masyarakat diharap

dapat bersama-sama untuk menangani amalan perhambaan moden ini demi kemaslahatan ummah seluruhnya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah hari ini, suka untuk saya tinggalkan beberapa pesanan buat Jemaah sekalian:

Pertama: Tarbiyah dalam Bulan Ramadan menjadi perangsang kepada jiwa untuk istiqamah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kedua: Amalan berziarah mestilah menurut bimbingan dan adab yang telah dianjurkan dalam Islam.

Ketiga: Sesungguhnya kemenangan dan kejayaan yang sebenar ialah dengan istiqamah dalam ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta menjaga diri dari melakukan kemaksiatan dan kemungkaran.

Firman Allah SWT:

﴿ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَيَخْشَى اللَّهَ وَيَتَّقَهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴾
52

Maksudnya: “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka mereka lah orang-orang yang beroleh kemenangan”. (Surah al-Nur ayat 52)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَسَّأِلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحَمِّدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابَاعِينَ وَتَابِيعِيِّ التَّابَاعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْرِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعُثْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا يَعُثْ دُفْرَتوَانَ اكْنُوَغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَاَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهَ الْمُسْتَعِينَ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعُثْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوَغْ، تُونِكُو حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ



وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَذَكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.